



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : **PPJ/SH(S)/JB/17/2022**

Tajuk Sebut Harga :

**CADANGAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN BAHAGIAN DALAM BANGUNAN ASTAKA
MOROCCO SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN BOTANI, PRESINT 1,
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan **Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (BPKU)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja** untuk **Gred G3, Kategori CE, Pengkhususan CE21 (Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam)** dan **Kategori B, Pengkhususan B13 (Pemasangan Jubin)** untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Taklimat Sebut Harga akan diadakan pada **23 MEI 2022**, jam **10.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Cemara (C5)**. Kehadiran Kontraktor/Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN** namun Kontraktor/Syarikat adalah **DIGALAKKAN** untuk hadir bagi memastikan Kontraktor/Syarikat mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan jelas berkaitan sebut harga ini. Maklumat berkaitan sebut harga ini juga boleh didapati secara atas talian dalam bentuk *slide* di Portal Rasmi Perbadanan Putrajaya.
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **23 MEI 2022 (ISNIN)** hingga **26 MEI 2022 (KHAMIS)** dengan bayaran secara tunai **RM50.00** di Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Kontraktor dikehendaki membawa dokumen-dokumen **Asal** dan **Satu (1) salinan sijil** yang berkaitan. Wakil kontraktor adalah **diwajibkan** untuk membawa Surat Perwakilan Kuasa yang ditandatangani oleh **Pemilik Syarikat** untuk membeli dokumen Sebut Harga
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **30 MEI 2022 (ISNIN)**.
6. Kontraktor yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke spp@ppj.gov.my.
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.


(Ir. MARZUKI BIN ABDULLAH)
Naib Presiden

Jabatan Kejuruteraan Dan Penyelenggaraan
Perbadanan Putrajaya.